

Pensyarah UTeM bantu kaum wanita jadi usahawan F&B

Oleh admin - 6 March 2025



Sewaktu proses pembelajaran fasa 2 iaitu mengikuti kursus masakan barat bersijil.

MELAKA – Sekumpulan pensyarah dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah melaksanakan projek khas meningkatkan tahap ekonomi golongan wanita menjadi usahawanita yang berjaya dalam bidang perniagaan makanan dan minuman (F&B).

Program ini melibatkan sekumpulan 40 orang wanita dari Kampung Angkat Madani –

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu Kampung Pulau, Tanjung Bidara, Masjid

Tanah, Melaka, baru-baru ini

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Ketua Projek Kursus Keusahawanan ini, Profesor Madya Dr. Juhaini Jabar dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahwanan (FPTT), UTeM berkata, program ini bertujuan untuk melatih dan membimbing seramai 40 orang wanita untuk menjadi usahawan F&B.

Jelasnya, latihan yang diberikan bermula dari peringkat asas sehingga ke tahap yang membolehkan mereka menjalankan perniagaan secara berdikari sendiri yang mana para peserta didedahkan kepada pengetahuan komprehensif melibatkan semua aspek perniagaan F&B.

"Ia menyentuh tentang strategi keunikian jualan, pengurusan operasi, perancangan kewangan dan penetapan harga, pengurusan risiko serta kepentingan hak harta intelek kepada perniagaan.

"Justeru kita yakin para peserta mampu mencapai keyakinan yang tinggi di samping menguasai kemahiran langsung dalam industri ini sekaligus melonjakkan mereka untuk mampu bersaing dan beroleh kejayaan dalam industri F&B ini," ujarnya dalam kenyataan.

Juhaini berkata, kursus ini terbahagi kepada 3 fasa yang melibatkan fasa pembelajaran teori, kursus masakan barat bersijil dan lawatan industri.

Projek kursus keusahawanan ini merupakan salah satu program di bawah kelolaan dan bajet dari Pusat Hubungan Kolaborasi RICE-UTeM yang turut melibatkan komitmen sekumpulan pensyarah dari FPTT, UTeM iaitu Prof. Madya Dr. Norain Ismail, Dr. Murzidah Ahmad Murad, Dr. Siti Norbaya Yahaya dan Dr. Nusaibah Mansor.

Juhaini berkata, terdapat beberapa kepentingan bidang keusahawanan dalam industri F&B antaranya dapat mencipta serta membuka peluang pekerjaan di samping membuka peluang iringan kepada industri sokongan.

"Ia membantu meningkatkan pendapatan, merancakkan pertumbuhan ekonomi tempatan serta menyokong pertumbuhan usahawan mikro industri F&B serta memperkasakan golongan usahawan wanita yang ingin memulakan perniagaan mereka," ujarnya.

Mengulas lanjut, katanya, peranan wanita dalam industri F&B ini sebenarnya besar kerana

boleh juga mewujudkan satu rangkaian meluas dalam aspek perkongsian

pengalaman, kemahiran dan memberikan bimbingan kepada usahawan lain.

"Secara semulajadinya pula usahawanita yang teliti akan sentiasa cuba memastikan produk yang dihasilkan adalah berkualiti tinggi, kelancaran operasi perniagaan justeru merealisasikan agenda mereka sebagai pengusaha, pemimpin atau pencetus inovasi yang memberi sumbangan besar kepada industri ini sekiranya

akses kepada pendidikan, latihan dan modal diberikan kepada mereka.- Agensi